



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA
MENGIKUT NEGERI 2026**

**INDEKS KETERBUKAAN PERDAGANGAN (IKP) MALAYSIA BAGI
TAHUN 2025 MENINGKAT KEPADA 151.0, DENGAN
PULAU PINANG, JOHOR DAN KEDAH MASING-MASING
MEREKODKAN NILAI IKP PADA 575.1, 332.1 DAN 234.2 PADA
TAHUN 2024**

PUTRAJAYA, 16 JUN 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan mengenai keluaran **STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 2026** bagi tahun rujukan 2025, yang mencatatkan jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM3.1 trilion pada tahun 2025 dengan nilai eksport RM1.6 trilion dan import bernilai RM1.5 trilion. Lima (5) negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Johor, W.P. Kuala Lumpur dan Sarawak mencatatkan sumbangan 84.3 peratus daripada jumlah perdagangan pada tahun 2025.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks keterbukaan perdagangan bagi tahun 2025 telah direkodkan pada 151.0 berbanding 149.0 pada tahun sebelumnya. Indeks keterbukaan perdagangan mengukur tahap kebergantungan perdagangan luar negeri bagi barangan kepada ekonomi. Indeks ini boleh digunakan dalam menganalisis corak perdagangan dan kepentingan perdagangan kepada ekonomi. Pada tahun 2024, tiga (3) negeri mencatatkan indeks lebih tinggi daripada paras nasional iaitu Pulau Pinang 575.1 (2023: 540.6), Johor 332.1 (2023: 327.8) dan Kedah 234.2 (2023: 218.6). Sementara itu, indeks keterbukaan perdagangan mengikut negeri untuk tahun 2025 masih dalam peringkat penyusunan data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri dan akan diterbitkan dalam keluaran berikutnya (Jadual 1).

Mengulas prestasi keseluruhan bagi tahun 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport mengikut negeri menunjukkan eksport pada tahun 2025 bernilai RM1.6 trilion, meningkat sebanyak 6.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan eksport direkodkan di Pulau Pinang (+RM117.9 bilion), Johor (+RM12.6 bilion), Selangor (+RM7.6 bilion), Melaka (+RM4.2 bilion),

Perak (+RM177.4 juta), Sabah (+RM134.7 juta) dan Perlis (+RM0.5 juta). Walau bagaimanapun, eksport menurun di Sarawak (-RM15.1 bilion), Kedah (-RM10.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM8.4 bilion), Terengganu (-RM4.8 bilion), Pahang (-RM4.8 bilion), Negeri Sembilan (-RM1.4 bilion), W.P. Labuan (-RM1.0 bilion) dan Kelantan (-RM96.0 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama Malaysia dengan sumbangan 38.1 peratus, diikuti oleh Johor (19.8%), Selangor (17.0%), Sarawak (6.4%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.7%). Pertumbuhan eksport yang kukuh didorong oleh litar elektronik bersepadu serta barangan elektrik dan elektronik yang lain, khususnya di Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Sementara itu, keluaran petroleum bertapis menyumbang kepada eksport di Johor, manakala minyak kelapa sawit merupakan antara penyumbang utama di Sabah dan Sarawak.

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada tahun 2025 mencatatkan peningkatan sebanyak 6.0 peratus kepada RM1.5 trilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan import dipengaruhi oleh import di Pulau Pinang (+RM60.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM24.8 bilion), Selangor (+RM23.5 bilion), Johor (+RM6.5 bilion), Perak (+RM2.9 bilion), Sabah (+RM582.8 juta) dan Kelantan (+RM112.7 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Kedah (-RM12.3 bilion), Negeri Sembilan (-RM7.1 bilion), Melaka (-RM6.9 bilion), Pahang (-RM5.7 bilion), Sarawak (-RM3.6 bilion), Terengganu (-RM2.2 bilion), W.P. Labuan (-RM753.3 juta) dan Perlis (-RM254.3 juta).

Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 26.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.4%), Johor (22.3%), W.P. Kuala Lumpur (8.9%) dan Kedah (4.9%). Import disokong oleh litar elektronik bersepadu, khususnya di Pulau Pinang dan Kedah. Sementara itu, barangan elektrik dan elektronik yang lain serta keluaran petroleum bertapis menyumbang kepada import di Selangor dan Johor, manakala kristal piezo elektrik dan alat ganti merupakan antara produk import utama di Pulau Pinang.

Siri data statistik perdagangan antarabangsa berkaitan eksport dan import barangan di peringkat negeri dengan seluruh dunia dalam penerbitan ini meliputi tempoh dari tahun 2020 hingga 2025. Di samping itu, penerbitan ini juga menyediakan statistik terperinci mengikut komoditi utama / terpilih, negara asal dan destinasi bagi tahun 2023 hingga 2025. Penerbitan ini turut menyediakan statistik mengikut seksyen barangan dan jenis pedagang bagi tahun 2023 hingga 2025.

Statistik komprehensif ini dihasilkan dari modul *Trade Enterprise Characteristics* (TEC) yang merupakan inisiatif Jabatan di bawah *Statistics Big Data Analytics* (STATSBDA). TEC mengintegrasikan dua domain statistik yang berbeza iaitu pangkalan data perdagangan barangan antarabangsa dan *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Statistik ini memberikan maklumat penting kepada penggubal dasar untuk merangka perancangan strategik bagi negeri yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Paparan 1: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri, 2025



Paparan 2: Tiga Produk Eksport dan Import Tertinggi Mengikut Negeri, 2025



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI

EKSPORT 3 KOMODITI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2025

JOHOR Keluaran petroleum bertapis RM66,246 juta (19.8%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM42,232 juta (12.8%) Litar elektronik bersepadu RM24,606 juta (7.7%)	KEDAH Litar elektronik bersepadu RM15,174 juta (21.4%) Inap dan tub lain, foliosel, dll. RM3,267 juta (4.9%) Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori RM3,311 juta (4.9%)	KELANTAN Petroleum mentah RM45 juta (25.8%) Inap dan tub lain, foliosel, dll. RM23 juta (22.8%) Getah asli RM21 juta (18.8%)
MELAKA Litar elektronik bersepadu RM6,693 juta (10.8%) Inap dan tub lain, foliosel, dll. RM4,894 juta (15.3%) Keluaran petroleum bertapis RM4,261 juta (12.2%)	NEGERI SEMBILAN Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM2,745 juta (29.4%) Litar elektronik bersepadu RM1,743 juta (17.7%) Pesawat udara & kelengkapan dan alat ganti RM1,267 juta (6.8%)	PAHANG Batang papih, batang bulat, dsb., daripada getah dan kulit RM4,247 juta (22.7%) Olekimiya berasaskan kelapa sawit RM3,264 juta (12.3%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM1,427 juta (6.8%)
PULAU PINANG Litar elektronik bersepadu RM245,497 juta (50.8%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM32,882 juta (6.8%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM46,822 juta (7.7%)	PERAK Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori RM16,266 juta (24.8%) Litar elektronik bersepadu RM4,222 juta (10.8%) Sarung tangan getah RM3,219 juta (8.2%)	PERLIS Pakian dan segala kelengkapan pakaian terperi RM378 juta (21.4%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM141 juta (11.7%) Minyak kelapa sawit RM24 juta (2.2%)
SELANGOR Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM26,311 juta (16.7%) Litar elektronik bersepadu RM26,750 juta (16.3%) Keluaran petroleum bertapis RM15,811 juta (5.1%)	TERENGGANU Keluaran petroleum bertapis RM5,854 juta (34.7%) Petroleum mentah RM1,211 juta (10.1%) Kapal, bot & struktur terapung RM232 juta (1.9%)	SABAH Minyak kelapa sawit RM15,834 juta (40.3%) Gas asli cecair - LNG RM4,849 juta (14.4%) Minyak isirung kelapa sawit RM2,321 juta (7.9%)
SARAWAK Gas asli cecair - LNG RM46,972 juta (45.8%) Minyak kelapa sawit RM16,236 juta (15.9%) Petroleum mentah RM6,233 juta (6.2%)	W.P. KUALA LUMPUR Keluaran petroleum bertapis RM8,826 juta (14.8%) Minyak kelapa sawit RM4,264 juta (7.2%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM3,246 juta (5.4%)	W.P. LABUAN Petroleum mentah RM5,240 juta (61.8%) Metanol RM1,836 juta (29.2%) Besi briket panas RM1,121 juta (17.9%)

IMPORT 3 KOMODITI UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2025

JOHOR Keluaran petroleum bertapis RM54,149 juta (16.8%) Petroleum mentah RM34,466 juta (10.7%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM36,796 juta (9.3%)	KEDAH Litar elektronik bersepadu RM36,622 juta (31.9%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM4,596 juta (6.3%) Perkakas litar elektrik & alat ganti RM2,466 juta (4.8%)	KELANTAN Inap dan tub lain, foliosel, dll. RM344 juta (12.9%) Tembaga (termasuk aloi) RM22 juta (1.4%) Keluaran besi gelek rata atau kebuh RM22 juta (1.2%)
MELAKA Petroleum mentah RM12,236 juta (34.9%) Litar elektronik bersepadu RM5,482 juta (16.7%) Inap dan tub lain, foliosel, dll. RM2,164 juta (6.3%)	NEGERI SEMBILAN Petroleum mentah RM4,766 juta (14.2%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM1,482 juta (6.7%) Keluaran petroleum bertapis RM2,673 juta (5.8%)	PAHANG Keluaran petroleum bertapis RM4,822 juta (27.3%) Alat ganti & aksesori bagi jentera, jentera, kenderaan, barangan jalan raya bermotor RM441 juta (2.3%) Jentera & kelengkapan khusus untuk industri pertanian & alat ganti RM464 juta (2.3%)
PULAU PINANG Litar elektronik bersepadu RM147,722 juta (41.7%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM27,311 juta (10.8%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM22,468 juta (6.2%)	PERAK Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori RM6,503 juta (17.3%) Kristal piezo elektrik & alat ganti RM4,636 juta (12.1%) Litar elektronik bersepadu RM3,642 juta (6.1%)	PERLIS Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM34 juta (2.7%) Sayur-sayuran RM246 juta (21.1%) Ikan, segar, didinginkan atau disajukbekukan RM36 juta (4.2%)
SELANGOR Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM39,223 juta (16.3%) Pesawat udara & kelengkapan & alat ganti RM16,846 juta (4.7%) Keluaran petroleum bertapis RM15,846 juta (4.1%)	TERENGGANU Gula daripada bit atau tebu RM243 juta (6.4%) Alat & perkakas mengukir, memahkis menganalisis dan kamalan RM147 juta (2.7%) Kelengkapan permainan & permainan & alat ganti RM127 juta (2.4%)	SABAH Baja, dikilangkan RM930 juta (6.9%) Barangan elektrik & elektronik lain RM341 juta (3.4%) Baras RM379 juta (3.4%)
SARAWAK Keluaran petroleum bertapis RM1,632 juta (6.2%) Baja, dikilangkan RM1,173 juta (4.4%) Barangan elektrik dan elektronik yang lain RM643 juta (2.4%)	W.P. KUALA LUMPUR Barangan elektrik & elektronik lain RM28,615 juta (23.7%) Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori RM16,941 juta (13.1%) Emas bukan bentuk wang RM6,500 juta (5.1%)	W.P. LABUAN Jentera & kelengkapan khusus untuk industri pertanian & alat ganti RM246 juta (16.8%) Sakur, pepat dan pasangan besi atau keluli RM232 juta (9.1%) Alat & perkakas mengukir, memahkis menganalisis dan kamalan RM238 juta (6.3%)


Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
- Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
- Statistik yang dipamerkan bagi tahun 2025 adalah merujuk kepada statistik provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Paparan 3: Tiga Destinasi Eksport dan Negara Asal Tertinggi Mengikut Negeri, 2025



Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkahi pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
3. Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
4. Statistik yang dipamerkan bagi tahun 2025 adalah merujuk kepada statistik provisional dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

B/26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
Kemampuran

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KOMPAS PERDAGANGAN
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030



Paparan 4: Tiga Seksyen Barangan Eksport dan Import Tertinggi Mengikut Negeri, 2025



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA MENGIKUT NEGERI

EKSPORT 3 SITC UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2025

JOHOR 7 RM112,874 juta (35.5%) 3 RM67,150 juta (21.1%) 8 RM31,678 juta (10.0%)	KEDAH 7 RM32,258 juta (66.7%) 8 RM5,045 juta (10.4%) 6 RM5,034 juta (10.4%)	KELANTAN 2 RM1,442 juta (36.8%) 3 RM1,244 juta (31.7%) 7 RM942 juta (24.0%)
MELAKA 7 RM17,403 juta (54.5%) 6 RM4,980 juta (15.6%) 3 RM4,232 juta (13.3%)	NEGERI SEMBILAN 7 RM12,559 juta (54.9%) 6 RM2,776 juta (12.1%) 5 RM2,766 juta (12.1%)	PAHANG 5 RM11,046 juta (41.2%) 6 RM8,264 juta (30.8%) 2 RM3,006 juta (11.2%)
PULAU PINANG 7 RM487,354 juta (79.7%) 8 RM96,341 juta (15.8%) 5 RM9,521 juta (1.6%)	PERAK 7 RM19,987 juta (47.9%) 8 RM5,995 juta (14.4%) 2 RM5,906 juta (14.1%)	PERLIS 0 RM433 juta (36.0%) 8 RM404 juta (33.6%) 7 RM165 juta (13.7%)
SELANGOR 7 RM104,229 juta (38.1%) 6 RM42,279 juta (15.5%) 5 RM35,601 juta (13.0%)	TERENGGANU 3 RM9,679 juta (56.5%) 6 RM3,866 juta (22.6%) 5 RM1,672 juta (9.8%)	SABAH 4 RM19,173 juta (59.6%) 3 RM6,220 juta (19.3%) 5 RM2,485 juta (7.7%)
SARAWAK 3 RM56,975 juta (55.6%) 6 RM18,213 juta (17.8%) 4 RM17,407 juta (17.0%)	W.P. KUALA LUMPUR 5 RM13,937 juta (23.7%) 3 RM12,497 juta (21.2%) 7 RM9,249 juta (15.7%)	W.P. LABUAN 3 RM3,249 juta (51.6%) 5 RM1,839 juta (29.2%) 6 RM1,131 juta (17.9%)

IMPORT 3 SITC UTAMA MENGIKUT NEGERI, 2025

JOHOR 7 RM117,144 juta (36.3%) 3 RM97,009 juta (30.0%) 6 RM26,680 juta (8.3%)	KEDAH 7 RM55,003 juta (77.8%) 6 RM4,284 juta (6.1%) 5 RM3,478 juta (4.9%)	KELANTAN 2 RM927 juta (37.5%) 7 RM521 juta (21.1%) 0 RM398 juta (16.1%)
MELAKA 3 RM13,357 juta (38.1%) 7 RM12,885 juta (36.8%) 6 RM3,319 juta (9.5%)	NEGERI SEMBILAN 3 RM13,791 juta (37.1%) 7 RM10,579 juta (28.4%) 5 RM5,919 juta (15.9%)	PAHANG 3 RM6,862 juta (38.4%) 5 RM4,387 juta (24.5%) 7 RM2,126 juta (11.9%)
PULAU PINANG 7 RM278,654 juta (78.7%) 8 RM29,372 juta (8.3%) 6 RM14,613 juta (4.1%)	PERAK 7 RM20,699 juta (55.7%) 2 RM5,805 juta (15.6%) 5 RM2,807 juta (7.5%)	PERLIS 0 RM15 juta (37.6%) 7 RM494 juta (36.0%) 8 RM134 juta (9.8%)
SELANGOR 7 RM167,298 juta (43.8%) 6 RM53,395 juta (14.0%) 5 RM48,611 juta (12.7%)	TERENGGANU 3 RM1,411 juta (26.4%) 2 RM1,196 juta (22.4%) 7 RM1,185 juta (22.2%)	SABAH 0 RM2,965 juta (27.6%) 7 RM2,797 juta (26.1%) 6 RM1,946 juta (18.1%)
SARAWAK 2 RM5,760 juta (21.7%) 5 RM5,566 juta (21.0%) 7 RM5,123 juta (19.3%)	W.P. KUALA LUMPUR 7 RM64,031 juta (49.5%) 8 RM16,895 juta (13.1%) 3 RM12,495 juta (9.7%)	W.P. LABUAN 7 RM1,170 juta (42.5%) 2 RM621 juta (22.5%) 6 RM426 juta (15.5%)

STANDARD INTERNATIONAL TRADE CLASSIFICATION (SITC)

- | | | |
|--|--|---|
| 0 Makanan dan binatang hidup | 3 Bahan api galian, pelincir dan bahan berkaitan | 6 Barang-barang keluaran kilang mengikut jenis bahan |
| 1 Minuman dan tembakau | 4 Minyak, lemak dan minyak tepu binatang dan sayuran | 7 Jentera & kelengkapan pengangkutan |
| 2 Bahan mentah, tidak boleh dimakan, kecuali bahan api | 5 Bahan kimia dan keluaran berkaitan, t.t.t.l. | 8 Pelbagai barang keluaran kilang |
| | | 9 Unsur niaga dan barangan yang tidak dikelaskan di mana-mana |

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.
- Angka dalam kurungan adalah peratus sumbangan kepada eksport atau import di setiap negeri.
- Statistik yang dipamerkan bagi tahun 2025 adalah merujuk kepada statistik provisorial dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri 2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

B/26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kemamparan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEMAMPAHAN
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030



Jadual 1: Indeks Keterbukaan Perdagangan Mengikut Negeri, 2023 – 2025^P

Negeri	Indeks Keterbukaan Perdagangan		
	2023	2024	2025 ^P
Malaysia	144.5	149.0	151.0
Johor	327.8	332.1	n.a.
Kedah	218.6	234.2	n.a.
Kelantan	23.9	19.4	n.a.
Melaka	128.1	121.9	n.a.
Negeri Sembilan	111.4	102.7	n.a.
Pahang	77.9	66.7	n.a.
Perak	70.7	75.7	n.a.
Perlis	39.1	38.6	n.a.
Pulau Pinang	540.6	575.1	n.a.
Sabah	37.0	36.9	n.a.
Sarawak	79.1	79.9	n.a.
Selangor	127.3	128.7	n.a.
Terengganu	59.0	73.8	n.a.
W.P. Kuala Lumpur	58.7	57.6	n.a.
W.P. Labuan	128.5	123.2	n.a.

Nota:

Data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri terkini adalah sehingga tahun 2024 dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRESS STATEMENT
FOR MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS
BY STATE 2026**

**MALAYSIA'S TRADE OPENNESS INDEX (TOI) FOR 2025
INCREASED TO 151.0, WITH PULAU PINANG, JOHOR AND KEDAH
RECORDED TOI VALUES AT 575.1, 332.1 AND 234.2
RESPECTIVELY IN 2024**

PUTRAJAYA, 16th JUNE 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BY STATE 2026** for reference 2025, which highlighted Malaysia's total trade amounted to RM3.1 trillion in 2025 with exports of RM1.6 trillion and imports worth RM1.5 trillion. Five (5) states namely Pulau Pinang, Selangor, Johor, W.P. Kuala Lumpur and Sarawak contributed 84.3 per cent from total trade in 2025.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's trade openness index in 2025 was recorded at 151.0 as compared to 149.0 in the preceding year. Trade openness index measures the degree of dependence of international trade in goods towards the economy. This index can be used to analyze trade patterns and the importance of trade to the economy. In 2024, three (3) states recorded an index higher than the national level, namely Pulau Pinang 575.1 (2023: 540.6), Johor 332.1 (2023: 327.8) and Kedah 234.2 (2023: 218.6). Meanwhile, the trade openness index by state in 2025 is still in the stage of compilation of Gross Domestic Product (GDP) by state and will be published in the next release (Table 1).

Commenting on the overall trade performance for 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports valued at RM1.6 trillion in 2025, increased 6.4 per cent as compared to the previous year. Higher exports were recorded in Pulau Pinang (+RM117.9 billion), Johor (+RM12.6 billion), Selangor (+RM7.6 billion), Melaka (+RM4.2 billion), Perak (+RM117.4 million), Sabah (+RM134.7 million) and Perlis (+RM0.5 million). However, exports decreased in Sarawak (-RM15.1 billion), Kedah (-RM10.3 billion), W.P. Kuala Lumpur (-RM8.4 billion), Terengganu (-RM4.8 billion), Pahang (-RM4.8 billion),

Negeri Sembilan (-RM1.4 billion), W.P. Labuan (-RM1.0 billion) and Kelantan (-RM96.0 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 38.1 per cent, followed by Johor (19.8%), Selangor (17.0%), Sarawak (6.4%) and W.P. Kuala Lumpur (3.7%). Strong export growth was driven by electronic integrated circuits and other electrical and electronic products, particularly in Pulau Pinang, Selangor and Johor. Meanwhile, refined petroleum products contributed to exports in Johor, while palm oil was among the key contributors to exports in Sabah and Sarawak.

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in 2025 registered an increase of 6.0 per cent to RM1.5 trillion as compared to the previous year. The increase in imports was led by higher imports in Pulau Pinang (+RM60.4 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM24.8 billion), Selangor (+RM23.5 billion), Johor (+RM6.5 billion), Perak (+RM2.9 billion), Sabah (+RM582.8 million) and Kelantan (+RM112.7 million). However, imports decreased in Kedah (-RM12.3 billion), Negeri Sembilan (-RM7.1 billion), Melaka (-RM6.9 billion), Pahang (-RM5.7 billion), Sarawak (-RM3.6 billion), Terengganu (-RM2.2 billion), W.P. Labuan (-RM753.3 million) and Perlis (-RM254.3 million).

Selangor continued to dominate Malaysia's imports with a share of 26.3 per cent, followed by Pulau Pinang (24.4%), Johor (22.3%), W.P. Kuala Lumpur (8.9%) and Kedah (4.9%). Imports were supported by electronic integrated circuits, particularly in Pulau Pinang and Kedah. Meanwhile, other electrical and electronic products and refined petroleum products contributed to imports in Selangor and Johor, while piezo-electric crystals and parts were among the key import products in Pulau Pinang.

The statistics of Malaysia's external trade data series relating to exports and imports of merchandise at the state level with the rest of the world in this publication covers the period from 2020 to 2025. In addition, this publication provides detailed statistics according to major / selected commodities, country of origin and destination from 2023 to 2025. This publication also provides statistics by commodity sections and type of traders from 2023 to 2025.

These comprehensive statistics are generated from the Trade Enterprise Characteristics (TEC) module which is one of the Department's initiatives under the Statistics Big Data Analytics (STATSBDA). TEC integrates two different statistical domains namely the international merchandise trade database and Malaysia Statistical Business Register (MSBR). These statistics provide imperative information to policymakers to formulate strategic planning for states involved in international trade.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered

business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agricultural sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <http://tanistats.dosm.gov.my>.

Exhibit 1: Malaysia External Trade Statistics by State, 2025




Exhibit 2: Top 3 Export and Import Products by State, 2025



Exhibit 3: Top 3 Country of Destination and Country of Origin by State, 2025




Exhibit 4: Top 3 Exports and Imports of Commodity Sections by State, 2025



Table 1: Trade Openness Index by State, 2023 – 2025^p

State	Trade Openness Index		
	2023	2024	2025 ^p
Malaysia	144.5	149.0	151.0
Johor	327.8	332.1	n.a.
Kedah	218.6	234.2	n.a.
Kelantan	23.9	19.4	n.a.
Melaka	128.1	121.9	n.a.
Negeri Sembilan	111.4	102.7	n.a.
Pahang	77.9	66.7	n.a.
Perak	70.7	75.7	n.a.
Perlis	39.1	38.6	n.a.
Pulau Pinang	540.6	575.1	n.a.
Sabah	37.0	36.9	n.a.
Sarawak	79.1	79.9	n.a.
Selangor	127.3	128.7	n.a.
Terengganu	59.0	73.8	n.a.
W.P. Kuala Lumpur	58.7	57.6	n.a.
W.P. Labuan	128.5	123.2	n.a.

Note: The latest Gross Domestic Product (GDP) by state data is up to 2024 and subject to revision in later issues.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 JUNE 2026